



Malaysiakini Gemilang

تونكو عبدالرحمن تيقكل كنغن

UM - 27/8/2007



“كيت برجاي”

هارين كامى داقت متهييسكن وقتو بردوا دكلب كوف دراج
سلاخور. سوقتو توق برماين كوف، ساي اكن برنخ دان
كامى اكن برسنتاي برسام سلس ايت.

والاوقون سيبوق، تونكو سوک کهد کهدوقن يخ چريا دان
سنخ مليهت نگارا امان دان داماي. بگيتوله جوک سيکف
تونكو ترهادف کلوارکان. کيباسانن تونكو اکن ممباوا
کلوارکان برچوتي کالور ستر دان قولو فينخ.

“توق کمبيرا اقايبلا داقت برهيمقون دغن سانق
ساوداران. اقايبلا کامى برکومقون، توق اکن مپيدايکن
هيدغن کمرن ساي ياءيت روس ييف دان يوکسايير فوديج.
توق ماهير دالم مپيدايکن هيدغن اين.”

حنيزا تيغکل برسام نيندان سهيغک براوسيا 15 تاهون.
“توق دان ساي بايق فرسامان. سقرتي توق، ساي کمرن
لاوت، برقراهو، سني، فوتوگرافي دان فريلمن.”

دغن بگنان حنيزا منچريتاکن، توغکو فرنه مفاصليکن
تيگ کريا يخ کمودينن دفيلمکن ياءيت مهسوري، راج
برسيوغ دان سومقون مهسوري. “منجادي فنوليس
سکريف سقرتي توق اداله چيتا ساي، کاتان.

فرامه، بايق هاتي، برجيوا رعية، رنده ديري دان مورده
هاتي اداله انتارا صفة ۲ دسباليق کجياانن دان منوروت انق
ساوداران تونكو داتو اسماعيل تونكو جيوا، تونكو يخ برکلر
فق تم مروفاکن ايديوان.

اسماعيل برقلواغ تيغکل برسام باف ساوداران
دريسيديني انتارا تاهون 1956-1957. “فق تم کمر کهد
کانق ۲ دان سوک براد دکالغن کامى يخ مروفاکن کومقون
اورغ مودا. فق تم ساتو ساتون باف ساودارا يخ ساغت رافت
دان ساغت دسني اوليه انق ۲ ساوداران، جاوه بيدان دغن
باف ساي دان باف ساودارا ساي يخ لاين يخ سنتياس
برسيکف فورمل اقايبلا برايترکسي برسام انق مريک.

“فق تم سلالو مغيغکن کامى سواقيا جاغن لوفا ديري
دان سنتياس بردمغيغ دغن رعية تيدق کيرا کتورون اتاو
پسا.”

برسامبوغ کموک 6

سهاجاله تمقت کامى برمنجا.

قد زمان فنجاهن جقون، تونكو خديجه تيغکل برسام
امق ساوداران دالور ستر. “سماس ساي منيغکت بلسن
تاهون، فق مولا برکيات دالم بيدغ قوليتيک لببه ۲ لاني ستله
منجادي فريسيدن امنو قد تاهون 1951. اقايبلا فق برتوکس
دجوهر بهارو انتارا تاهون 1951 هيغک 1954 ساي تيغکل
برسامان دان ايبو تيري ساي، تون شريفه رضياه.

“فق سريغ منکنکن بهاوا جک برکهندقن سسواتو، کيت
فرلو بکرجا کرس دغن اوسها سنديري اونتوق منچاقاين.
ساي برمينت دغن کماهيرن دندن رمبوت دان فق
مقهانتر ساي مغيکوتي کورسوس دجون ليتل سيغاقورا
اونتوق ممقلاجري تيکنيک دان فقوروسن سالون رمبوت.”
ستله تمت کورسوس دان اقايبلا قولغ کالور ستر قد
تاهون 1954، خديجه برجاي ممبوك سبواه سالون رمبوت
دغن بنتوان دوا اورغ ايبو ساوداران.

“سجق فق قکاواي دايه لاني، فق ساغت تکس دان
ملارغ کامى منريما سبارغ هديه درقد اورغ يخ مغيونجوشي
رومه کامى. فق تکس دالم حال ۲ اين کران تيدق ماهو
منيمبولکن بوروق سغک.”

منچريتاکن تنغ ايهندان يخ کمر انق انقن دکهوينکن
انتارا ساودارا مارا، خديجه برکات بهاوا ايهندان تيدق
ممبرين کيبيسن دالم فرکاولن. نامون دمکين، بلياو
برجاي مغيويني ججاک قيليهنن يخ مروفاکن انق صحابه
ايهندان.

سلس برکھوين دغن داتو سيد حسين ابو بکر، مريک
ترقسا برجاوهن کران سوقتو ايت سوامين ماسيه
منونتوت دايغکلند.

“کنغن مانيس ساي برسام فق اداله سوقتو بلياو دان ايبو
تيري مغيونجوشي کامى سماس کامى براد دلوار نگارا دان
جوک اقايبلا ساي برقلواغ مغيکوتين دالم رومبوغن فردان
منتري دلوار نگارا دان منجادي جوروبهاس اونتوق ايبو تيري
ساي.”

منوروت شريفه حنيزا سيد حسين، فوتري کدوا خديجه

يخ دبسرکن اوليه نيندان
سجق براوسيا ليم بلس
هاري، “توق اداله سگالا-کالان
باخي ساي.” کتيک ايت
حنيزا دتيغکلکن برسام
تونکو کران بوندان خديجه،
ترقسا مغيکوتي سوامين يخ
برتوکس دکمنترين لوار.

“توق مروفاکن باف دان
جوک داتو ساي. کتيک ايت،
ساي تيدق تاهو فرينانن.
ساي دبسرکن دريسيديني
برسام انق ۲ اغکتقن سليمان،
مريم دان فاریده.”

“ساي سلالو مننتيکن
هوجوغ ميغکو کران ايتوله

دالم مغيغ کمبالي سجاره کمرديکان نگارا کيت، رعية
مليسيا تيدق داقت ملوفاکن جاس دان بقتي تونکو
عبدالرحمن فوترا الحج. فقورباننن يخ دچوره دمي
ممرديکان تانه اير دري ججهن ايغکريس اداله سسواتو
يخ تيدق ترنيلاي.

فرجواغن بلياو اونتوق کمرديکان دان کامانن نگارا
مليسيا اکن تروس دکنغ دان دسجوغ اوليه رعية دان نگارا.
کريديبيليتي بلياو سماکين دفرکاتاکن اقايبلا ملایا ترلغس
درقد ججهن ايغکريس تنقا سبارغ فرتومقون داره.

باف فرقادوان، باف کمرديکان دان باف مليسيا اين
فرنه برکات، “ساي اکن ممقراونتوقن توجه قولوه ليم
قراتوس درقد کهدوقن ساي اونتوق منجانکن امانت توهن
دان بربقتي کهد نگارا دان رعية دان 25 فراتوس لاني اونتوق
ديري دان کلوارک ساي. فوترا راج برجيوا رعية اين دکنلي
يدان دجرمتي سلوروه لاقيسن مشارکت.

نامون، اوسها دان توکس بلياو ترهادف نگارا تيدق فرنه
منجادي هالغن کفدان اونتوق ملوفاکن ماس برسام کلوارک.
تاهون اين کنقله 17 تاهون فرکين بلياو. ايغتن رعية
مليسيا ترهادف بلياو ماسيه تتف مکر، افاته لاني
دکالغن اهلي کلوارک بردکتن، مريک ماسيه ترکنغ اکن
ساعة ۲ مانيس کتيک برسامان.

منوروت انق سولوغ اللهيرحم، تونکو داتين فدوک
خديجه، 75، بلياو ماسيه ايغت باکايمن ستله کماتين بوندان
بلياو دان ديندان تونکو نرغ، تيغکل برسام تونکو دسوغاي
فتاني دان دجاک اوليه ساورغ امه. کاتان، “فق ساورغ

اتس نصيحه دان دوروغن باف ساوداران سوفايا سنتياس فريهاتين ترهادف انسان لائين دان سوفايا بربقتي سچارا سوکاريلا، استاغيل بيغ کيني براوسيا 70 تاهون ماسيه اکتيف دالم فرساتوان فرانچمن کلوارکا فولو فينغ دان فينيغ هيريتج ترس.

کاکمڻ تونکو داتو مقمينه تونکو جیوا، براس سوغڻوه برتواه دان برترئما کاسيه کقد تونکو کران تله مڱالڱکن مپرتائي بادن سوکاريلا. دوقتو ايت بلياو بارو سهاج منديريکن رومهتڱ.

”فق تم سرتا ارواح سوامي ساي تله مڱالڱکن ساي مپرتائي بادن سوکاريلا دان ساي اخيرن مپرتائي فرکومڱولن فرمڱوان (وومن اينستيتوت) دان منجادي بڱيتو اکتيف ممبري چرامه دنکري قدح، فرليس، فولو فينغ دان ملاک.

بلياو تيدق داقت ملوڱاکن فرايستيو سوقتو باف ساوداران فولغ دري لندن دغن ممباوا دوا ڱولوغ کائين کافس دان ممينتان منجاهيتکن بيراف ڱاسڱ سلوار تيدور. ”سهيڱگ کهاري اين، سڱاسڱ سلوار تيدور ايت ماسيه دڱاميرکن دميموريال تونکو

عبدالرحمن“ مڱنڱکن باف ساوداران بيغ کاڊغ کالان ساغت کلاکر.

”کامي جوک سلالو برتوکر-توکر ريسيڱي کران فق تم کمر مماسق دان سايله بيغ دڱغڱيلڱ جک ترايڱينکن سواتو ماکنن. ساي ماسيه ايغت لاکي لاقوق کڱمرنڱ اداله سمبل بلاچن دغن ايکن کريڱ، کاري الا سيام دان کلابو فروت.“

بڱيتو جوک باڱي تونکو داتين نور حياتي، 40 تاهون ماسيه ترايغت اکن ساغه مائيس بليو برسام دغن ايهندان. نور سنتياس ترکنڱکن ايهندان بيغ ڱپايغ ايت. برهڱتن دغن ناماڱ ”رحمن“ بيغ ممباوا مقصود ڱپايغ. بليو ساغت کمر مڱهيپور دن مرايکن کانق. ”رومه کامي اکن سنتياس ڱنوه دغن کانق“ ترماسوقله اديق-براديق اشکت ساي،” چريتان سمبل مڱيمبس کمبالي کنڱن اينده دهولو.

کتیک نور براوسيا تيگ تاهون، تونکو تله ملتکن جاوتنڱ سباکاي ڱردان منترئ مليسيا. سلقس ايت، تونکو بلپق مڱهابيسکن ماسان دغن ڱرتوبوهن ڱرسيدغن اسلام (OIC).

”سوقتو ايت، کامي سکلوارک سريڱ کجده، لندن دان کوالا لمڱور. قد

تاهون 1974، کامي فولغ اونتوق منتف دڱولو فينغ کران فق کمر تيغڱل دڱئي لاقوت دان فولو فينغ فولو ترلتق بردکتن دغن قدح دمان کباپقن اهلي کلوارکاڱ منتف.“

منوروت نور جوک، ”فق ساورغ بيغ برايمان دان تيدق ڱرنه منيغڱلکن عباده صلاة دان بڱيتو ممبرتکن تغوڱجوابڱ ترهادف اڱام. فق سلالو مندعاکن اکر نگارا مليسيا سنتياس دبرکتی توهن دان رعيتن هيڊوف دغن امان دان داماي.“

”دڱهوجوغ اوسيان، فق تتف سلالو ڱرکي ملاوت ڱندودوق کامڱوغ دغن منائيقي کروس رودان. نور جوک مڱغامبرکن بهاوا تونکو اداله ساورغ بيغ چکل لاکي کيڱيه، تيدق توندوق قد هالغن. ”دوا ميغڱو سلوم ڱمرکينڱ، فق سوده تنت تتافي تتف بردکيل هندق ککوچيڱ اونتوق مڱحاضيري مجلس ڱراسمين توکو ڱجواغ کمرديکائ سراق.“ نور ماسيه ايغت، سبايق سهاج ايهندان فولغ دري کوچيڱ، بلياو تروس دماسوقکن کهوسڱيتل بسر کوالا لمڱور.

ستله سکيان لاما منابور بودي دان

مليمشهکن بقتي تنڱا راس جمو، بلياو ڱرکي جوک مپاهوت سروان الهي. تياڊ لاکي کدڱرن نصيحه ۲ برنس داريڱ، تياڊ لاکي سوکوقن دڱن کات ۲ ساغت داريڱ.

بلياو ڱرکي ممباوا برسام تيغڱهڱ بيغ برسوقن، هاتين بيغ موليا دان سڱالا ڱکرتيڱ بيغ دسني رعیه جلات. نامون اف بيغ دتيغڱلکنڱ ممڱو دميليقي سڱنڱ لاقيسن مشارکت يائي کمرديکائ تانه اير مليسيا. ڱرجواڱن دان اوسهان اومڱام تق لاقوق ديک هوجن، تق لکڱ ديک ڱانس.

تونکو عبدالرحمن ماسيه منجادي سبوتن ڱنراسي تردهولو بيغ ڱرنه مڱنلي بلياو دان کينراسي مودا سهيڱگ کهاري اين. جاس بلياو هان ممڱو دکنڱ دان دهرکائي دغن منجاک کمرديکائ نگارا اين. بنرله بق کات ڱڱاته ”هريماو ماتي منيغڱلکن بلڱ، مائسي ماتي منيغڱلکن نام.“ تونکو کمبالي کرحمه الله تڱگل 6 ديسيمبر 1990، يائي سوقتو بلياو براوسيا 87 تاهون. جنازه بلياو دکبوميکن دمقام دراج لغڱر، الور ستر. - مردیک ڱريس سيکريتاريات.

Tunku Abdul Rahman Tinggal Kenangan- (UM-27/08/2007)

Dalam mengenang kembali sejarah kemerdekaan negara kita, rakyat Malaysia tidak dapat melupakan jasa dan bakti Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Pengorbanan yang dicurah demi memerdekakan tanah air dari jajahan Inggeris adalah sesuatu yang tidak ternilai.

Perjuangan beliau untuk kemerdekaan dan keamanan Malaysia akan terus dikenang dan disanjung oleh rakyat dan negara. Kredabiliti beliau semakin diperkatakan apabila Malaya terlepas daripada jajahan Inggeris tanpa sebarang pertumpahan darah.

Bapa Perpaduan, Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia ini pernah berkata, "Saya akan memperuntukan 75% daripada kehidupan saya untuk menjalankan amanat Tuhan dan berbakti kepada negara dan rakyat dan 25% lagi untuk diri dan keluarga saya."

Namun, usaha dan tugas beliau terhadap negara tidak pernah menjadi halangan kepadanya untuk meluangkan masa bersama keluarga. Tahun ini genaplah 17 tahun pemergian beliau. Ingatan rakyat Malaysia terhadap beliau masih tetap mekar apatah lagi di kalangan ahli keluarga terdekatnya, mereka masih terkenang akan saat-saat manis ketika bersamanya.

Menurut anak sulung Allahyarham, Tunku Datin Paduka Khadijah, 75, beliau masih ingat bagaimana setelah kematian bondanya beliau dan adindanya, Tunku Nerang tinggal bersama Tunku di Sungai Petani dan di jaga oleh seorang amah. Katanya, "Pak seorang sajalah tempat kami bermanja". Pada zaman pemerintahan Jepun, Tunku Khadijah tinggal bersama emak saudaranya di Alor Setar. "Semasa saya meningkat belasan tahun, Pak mula bergiat dalam bidang politik lebih-lebih lagi setelah menjadi Presiden UMNO pada tahun 1951. Apabila Pak bertugas di Johor Bahru antara tahun 1951 hingga 1954 saya tinggal bersamanya dan ibu tiri saya, Tun Sharifah Rodziah."

"Pak sering menekankan bahawa jika berkehendakkan sesuatu, kita perlu bekerja keras dengan usaha sendiri untuk mencapainya. Saya berminat dengan kemahiran dandan rambut dan Pak menghantar saya mengikuti kursus di John Little, Singapura untuk mempelajari teknik dan pengurusan salun rambut".

Setelah tamat kursus dan apabila pulang ke Alor Setar pada tahun 1954, Khadijah berjaya membuka sebuah salun rambut dengan bantuan dua orang ibu saudaranya.

"Sejak Pak pegawai daerah lagi, Pak sangat tegas dan melarang kami menerima sebarang hadiah daripada orang yang mengunjungi rumah kami. Pak tegas dalam hal-hal ini kerana tidak mahu menimbulkan buruk sangka."

Menceritakan tentang ayahanda yang gemar anak-anaknya dikahwinkan antara saudaramara, Khadijah berkata bahawa ayahanda tidak memberinya kebebasan dalam pergaulan. Namun demikian, beliau berjaya mengahwini jejaka pilihannya yang merupakan

anak sahabat ayahandanya. Selepas berkahwin dengan Datuk Syed Hussin Abu Bakar, mereka terpaksa berjauhan kerana sewaktu itu suaminya masih menuntut di England.

”Kenangan manis saya bersama Pak adalah sewaktu beliau dan ibu tiri mengunjungi kami semasa kami berada di luar negara dan juga apabila saya berpeluang mengikutinya dalam rombongan perdana menteri di luar negara dan menjadi jurubahasa untuk ibu tiri saya.”

Menurut Sharifah Haniza Syed Hussin, puteri kedua Khadijah yang dibesarkan oleh nendanya sejak berusia lima belas hari, ”Tok adalah segala-galanya bagi saya”. Ketika itu Haniza ditinggalkan bersama Tunku kerana bondanya Khadijah terpaksa mengikuti suaminya yang bertugas di Kementerian Luar.

”Tok merupakan bapa dan juga datuk saya. Ketika itu saya tidak tahu perbezaannya. Saya dibesarkan di Residen bersama anak-anak angkat Sulaiman, Maryam dan Faridah.”

”Saya selalu menantikan hujung minggu kerana itulah akhirnya kami dapat menghabiskan waktu berada di Kelab Golf diraja Selangor. Sewaktu Tok bermain golf, saya akan berenang dan kami akan bersantai bersama selepas itu.”

Walaupun sibuk, Tunku suka kepada kehidupan yang ceria dan senang melihat negara aman dan damai. Begitulah juga sikap Tunku terhadap keluarganya. Kebiasannya Tunku akan membawa keluarganya bercuti ke Alor Setar dan Pulau Pinang.

” Tok gembira apabila dapat berhimpun dengan sanak saudaranya. Apabila kami berkumpul, tok akan menyediakan hidangan kegemaran saya iaitu ’Roe Beef ’ dan ’Yorkshire Pudding’. Tok mahir dalam menyediakan hidangan ini.”

Haniza tinggal bersama nendanya sehingga berusia 15 tahun. ”Tok dan saya banyak persamaan. Seperti Tok, saya gemarkan laut, berperahu, seni, fotografi dan perfileman.”

Dengan bangganya, Haniza menceritakan Tunku pernah menghasilkan tiga karya yang kemudiannya difilemkan iaitu Mahsuri, Raja Bersiong dan Sumpahan Mahsuri. ”Menjadi penulis skrip seperti Tok adalah cita-cita saya .” Katanya.

Peramah, baik hati, berjiwa rakyat, rendah diri dan murah hati adalah antara sifat-sifat di sebalik kejayaan dan menurut anak saudaranya Tunku Datuk Ismail Tunku Jiwa, Tunku yang bergelar Pak Tam merupakan idolanya. Ismail berpeluang tinggal bersama bapa saudaranya di Residen antara tahun 1956-1957. ”Pak Tam gemar kepada kanak-kanak dan suka berada di kalangan kami yang merupakan kumpulan orang muda. Pak Tam satu-satunya bapa saudara yang sangat rapat dan sangat disenangi oleh anak-anak saudaranya, jauh bezanya dengan bapa saya dan bapa saudara saya yang lain yang sentiasa bersikap formal apabila berinteraksi bersama anak mereka.

”Pak Tam selalu mengingatkan kami supaya jangan lupa dan sentiasa berdamping dengan rakyat dengan tidak kira keturunan atau bangsa.”

Atas nasihat dan dorongan bapa saudaranya supaya sentiasa prihatin terhadap insan lain dan supaya berbakti secara sukarela, Ismail yang kini berusia 70 tahun masih aktif dalam persatuan perancangan keluarga Pulau Pinang dan Penang Heritage Trust. Kakaknya, Tunku Datuk Mukminah Tunku Jiwa, berasa sangat bertuah dan berterima kasih kepada Tunku kerana telah menggalakkan menyertai badan sukarela. Di waktu itu beliau baru sahaja mendirikan rumah tangga.

”Pak Tam serta arwah suami saya telah menggalakkan saya menyertai badan sukarela dan saya akhirnya menyertai perkumpulan perempuan (Women Institute) dan menjadi begitu aktif memberi ceramah di negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Melaka. Beliau tidak dapat melupakan peristiwa sewaktu bapa saudaranya pulang dari London dengan membawa dua gulung kain kapas dan memintanya menjahitkan beberapa pasang seluar tidur.

”Sehingga ke hari ini, sepasang seluar tidur itu masih dipamerkan di memorial Tunku Abdul Rahman.” Mengenang bapa saudaranya yang kadang kalanya sangat kelakar.

” Kami juga selalu bertukar-tukar resepi kerana Pak Tam gemar memasak dan sayalah yang dipanggilnya jika teringikan sesuatu makanan. Saya masih ingat lagi lauk kegemarannya adalah sambal belacan dengan ikan kering, kari ala siam dan kerabu perut.”

Begitu juga bagi Tunku Datin Nur Hayati, 40 tahun masih teringat akan saat-saat manis beliau bersama ayahandanya. Nur sentiasa terkenangkan ayahandanya yang penyayang itu, bertepatan dengan namanya 'Rahman' yang bermaksud penyayang. Beliau sangat gemar menghibur dan meraikan kanak-kanak termasuklah adik-beradik angkat saya.” Ceritanya sambil mengimbas kembali kenangan indah dahulu. Ketika Nur berusia tiga tahun, Tunku meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri Malaysia. Selepas itu Tunku banyak menghabiskan masanya dengan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

” Sewaktu itu, kami sekeluarga sering ke Jeddah, London dan Kuala Lumpur. Pada tahun 1974, kami pulang untuk menetap di Pulau Pinang kerana Pak gemar tinggal di tepi laut dan Pulau Pinang pula terletak berdekatan dengan Kedah di mana kebanyakan ahli keluarganya menetap.”

Menurut Nur juga, ” Pak seorang yang beriman dan tidak pernah meninggalkan ibadah solat dan begitu memberatkan tanggungjawab terhadap agama. Pak selalu mendoakan agar negara Malaysia sentiasa diberkati Tuhan dan rakyatnya hidup dengan aman dan damai.”

” Di penghujung usianya, Pak tetap selalu pergi melawat penduduk kampung dengan menaiki kerusi rodanya.” Nur juga menggambarkan bahawa Tunku adalah seorang yang cekal lagi gigih, tidak tunduk pada halangan.

” Dua minggu sebelum pemergiannya, Pak sudah tenant tetapi tetap berdegil hendak ke Kuching untuk neghadiri majlis perasmian tugu pejuang kemerdekaan Sarawak.” Nur masih ingat sebaik sahaja ayahandanya pulang dari Kuching, beliau terus dimasukkan ke hospital besar Kuala Lumpur. Setelah sekian lama menabur budi dan melimpahkan bakti tanpa rasa jemu, beliau pergi juga menyahut seruan ilahi. Tiada lagi kedengaran nasihat-nasihat bernas darinya, tiada lagi sokongan dengan kata-kata semangat darinya. Beliau pergi membawa

bersama tingkah lakunya yang bersopan, hatinya yang mulia dan segala pekertinya yang disenangi rakyat jelata. Namun apa yang ditinggalkannya mampu dimiliki segenap lapisan masyarakat iaitu kemerdekaan tanah air Malaysia. Perjuangan dan usahanya umpama tak lapuk dek hujan,tak lekang dek panas. Tunku Abdul Rahman masih menjadi sebutan generasi muda sehingga ke hari ini. Jasa beliau hanya mampu dikenang dan dihargai dengan menjaga kemerdekaan negara ini. Benarlah bak kata pepatah "harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama". Tunku kembali ke rahmatullah tanggal 6 Dis 1990, iaitu sewaktu berusia 87 tahun. Jenazah beliau dikebumikan di makam Diraja Langgar, Alor Setar.

-Merdeka Press Secretariat-